

UOB ONE Card Terma dan Syarat

Berkuat kuasa 1 Mac 2022

Am

Terma dan syarat ini ("Terma dan Syarat") akan digunakan untuk Ahli Kad yang mempunyai UOB ONE Card yang dikeluarkan oleh United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("UOB Malaysia") dan perlu dibaca bersama dengan Perjanjian Ahli Kad VISA/MASTERCARD UOB ("Perjanjian Ahli Kad").

Di bawah Terma dan Syarat ini, rujukan yang dilakukan untuk:-

- (a) "UOB ONE Card" akan merujuk kepada UOB ONE Classic Card dan UOB ONE Platinum Card yang dikeluarkan oleh UOB Malaysia.
- (b) "Ahli Kad" akan bermakna kedua-dua ahli kad utama dan tambahan yang mempunyai UOB ONE Card.
- (c) "Rebat Tunai Hari Bekerja" akan digunakan untuk semua perbelanjaan dan pembayaran yang dilakukan dari jam 12.00 pagi pada hari Isnin hingga 11.59 malam pada hari Jumaat.
- (d) "Rebat Tunai Hujung Minggu" akan digunakan untuk semua perbelanjaan dan pembayaran yang dilakukan dari jam 12.00 pagi pada hari Sabtu hingga 11.59 malam pada hari Ahad.

Kecuali ditakrif secara berbeza dalam Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Terma dan Syarat ini akan mempunyai makna yang sama seperti di dalam Perjanjian Ahli Kad.

UOB Malaysia berhak, pada bila-bilamasa, untuk menentukan semua perkara berhubung dengan ganjaran rebat seperti yang dinyatakan di bawah dan keputusan UOB Malaysia adalah muktamad dan akan mengikat Ahli Kad. Manfaat dan keistimewaan yang diuraikan di bawah boleh dipinda, ditambah atau ditarik balik oleh UOB Malaysia pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu.

Kemas kini Terma dan Syarat:

Klausa berikut telah dikemaskini dan Terma dan Syarat ini akan berkuat kuasa pada 1 Mac 2022.

- i) Klausa 2(c) telah diubah untuk mencerminkan penambahan pengecualian dari Rebate Tunai.

- ii) Peniaga di Klausa 1(a) dan 1(b) telah dikemaskini untuk mencerminkan penambahan transaksi Setel dalam jadual Program Rebat Tunai yang layak.

Program Rebat Tunai UOB ONE Card

Program Rebat Tunai UOB ONE Card (“Program Rebat Tunai”)

1. Pendapatan rebat tunai adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

(a) Jadual Rebat Tunai Hari Bekerja

Kategori Rebat	Peniaga	Rebat Tunai Hari Bekerja	Jumlah Pembelian Maksimum yang Layak untuk Rebat Tunai	
			ONE Classic Card	One Platinum Card
Petrol	Semua stesen petrol (Petronas, Petron, BHP, Shell, Esso) and Setel (tidak termasuk transaksi tambah nilai)	1%	Sehingga RM200 sebulan	Sehingga RM400 sebulan
Barangan Runcit	Lotus's Stores, AEON, AEON Big, Jaya Grocer, Village Grocer, Bens Independent Grocer, Cold Storage, Giant dan Mercato	0.2%	Sehingga RM200 sebulan	Sehingga RM400 sebulan
Telekomunikasi	Maxis, Digi dan Celcom	0.2%	Sehingga RM200 sebulan	Sehingga RM300 sebulan
Pembelian Lain	Semua peniaga lain yang tidak disenaraikan di atas dan tidak termasuk Klausa 2	0.2%	Tiada had	Tiada had

(b) Jadual Rebat Tunai Hujung Minggu

Kategori Rebat	Peniaga	Rebat Tunai Hujung Minggu	Jumlah Pembelian Maksimum yang Layak untuk Rebat Tunai	
			ONE Classic Card	ONE Classic Card
Petrol	Semua stesen petrol (Petronas, Petron, BHP, Shell, Esso) dan Setel (tidak termasuk transaksi tambah nilai)	5%	Sehingga RM200 sebulan	Sehingga RM400 sebulan
Barangan Runcit	Lotus's Stores, AEON, AEON Big, Jaya Grocer, Village Grocer, Bens	5%	Sehingga RM200 sebulan	Sehingga RM400 sebulan

	Independent Grocer, Cold Storage, Giant dan Mercato			
Telekomunikasi	Maxis, Digi dan Celcom	2%	Sehingga RM200 sebulan	Sehingga RM300 sebulan
Pembelian Lain	Semua peniaga lain yang tidak disenaraikan di atas dan tidak termasuk Klausu 2	0.2%	Tiada had	Tiada had

Pengecualian

2. Rebat Tunai hanya akan diberikan untuk apa-apa perbelanjaan dan pembayaran yang dilakukan di bawah kategori yang dinyatakan dalam Klausu 1 yang digambarkan seperti dalam jadual di atas menggunakan UOB ONE Card sahaja. Transaksi seperti berikut tidak layak mendapat Rebat Tunai:
 - (a) Pemindahan Baki;
 - (b) Pembelian Pelan Pembayaran Easi;
 - (c) Pembelian Pelan Pembayaran Ansuran (IPP);
 - (d) Pelan Flexi-Credit;
 - (e) Transaksi yang dipulangkan, dipertikaikan, tidak sah atau ditipu;
 - (f) Pengeluaran tunai;
 - (g) Transaksi kerajaan;
 - (h) Alimoni dan kos sara hidup kanak-kanak;
 - (i) Pembayaran jaminan atau bon;
 - (j) Transaksi tambah nilai (top-up);
 - (k) Bil utiliti (contohnya, Jompay);
 - (l) Liberty Insurance;
 - (m) Pertubuhan kebajikan;
 - (n) Pembayaran fi keahlian kad tahunan, bayaran faedah, fi bayaran lewat, caj untuk pengeluaran tunai, dan apa-apa bentuk fi perkhidmatan/pelbagai lain yang menggunakan UOB ONE Card.

3. Sebarang Rebat Tunai yang terkumpul termasuk Rebat Tunai yang masih belum dikreditkan ke dalam Akaun Kad Kredit Ahli Kad akan dilepaskan dengan serta-merta dan Ahli Kad juga tidak layak untuk menikmati manfaat Rebat Tunai jika berlakunya mana-mana satu daripada yang berikut:
 - (a) Sebarang pembatalan UOB ONE Card; atau
 - (b) Sebarang penukaran UOB ONE Card kepada UOB ONE Card yang lain dan tiada bayaran balik, lanjutan atau pampasan akan diberikan oleh UOB Malaysia; atau
 - (c) Akaun Kad Kredit Ahli Kad menjadi tertunggak dan tiada bayaran balik, lanjutan atau pampasan akan diberikan oleh UOB Malaysia.

4. Rebat Tunai yang dikumpulkan oleh Ahli Kad utama dan tambahan di bawah Program Rebat Tunai ini akan dikreditkan ke dalam Akaun Kad Kredit Ahli Kad utama dan ini akan dinyatakan dalam Penyata Akaun bulanan Akaun Kad Kredit Ahli Kad utama.

Terma dan Syarat Am

5. Ahli Kad bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat ini termasuk sebarang pindaan dan/atau perubahan kepadanya dan juga terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad. Sekiranya terdapat percanggahan antara terma dan syarat ini dan Perjanjian Ahli Kad, terma dan syarat ini akan dikekalkan.
6. Ahli Kad boleh mendapat penjelasan dari wakil yang disahkan oleh UOB Malaysia sekiranya Ahli Kad tidak memahami sebarang terma dan syarat.
7. UOB Malaysia berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Program Rebat Tunai secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Program Rebat Tunai oleh UOB Malaysia tidak akan memberi hak kepada Ahli Kad untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOB Malaysia untuk sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Ahli Kad sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan sedemikian kecuali jika ia disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku sengaja UOB Malaysia yang berkaitan khususnya dengan Program Rebat Tunai.
8. Ahli Kad layak untuk menyertai Program Rebat Tunai dengan syarat bahawa Ahli Kad tidak mengingkari sebarang terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad.
9. Tanpa menjejaskan keluasan makna yang dinyatakan sebelum ini, sekiranya rebat tunai ganjaran diberikan kepada dan diterima oleh seorang individu yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan atau kesalahan berhubung dengan penggunaan UOB ONE Card mereka dan/atau sebarang transaksi yang dilakukan dengan menggunakan UOB ONE Card mereka, UOB Malaysia berhak untuk membatalkan penyertaan individu tersebut daripada memperoleh atau menggunakan rebat tunai.
10. Peristiwa di atas juga akan memberi hak kepada UOB Malaysia untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menyekat penggunaan Kad Kredit UOB Malaysia dan untuk menyatukan semua jumlah tertunggak ke dalam akaun Kad Kredit UOB Malaysia utama (jika berkenaan).

11. Keputusan UOB Malaysia dalam semua perkara berhubung dengan Program Rebat Tunai adalah muktamad, konklusif dan akan mengikat Ahli Kad. UOB Malaysia tidak bertanggungjawab untuk memberi apa-apa sebab atau melayan sebarang surat-menyurat dengan mana-mana pihak mengenai apa-apa perkara berhubung dengan Program Rebat Tunai.
12. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, syarikat peniaga, pihak berkuasa pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak yang mungkin menyebabkan Ahli Kad tidak layak mendapat rebat di bawah Program Rebat Tunai.
13. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Ahli Kad dan/atau mana-mana pihak ketiga yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Program Rebat Tunai kecuali jika ia disebabkan oleh kecuaiannya melampau atau salah laku sengaja UOB Malaysia yang berkaitan khususnya dengan Program Rebat Tunai.
14. UOB Malaysia tidak mempunyai perkaitan dengan peniaga dan/atau kedai yang mengambil bahagian dan tidak melakukan sebarang perwakilan atau jaminan berhubung dengan kualiti barangan dan/atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh peniaga dan/atau kedai yang mengambil bahagian.
15. UOB Malaysia tidak bertanggungjawab untuk sebarang kerosakan atau ketidakpuasan hati dengan kualiti barangan dan/atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh peniaga dan/atau kedai yang mengambil bahagian.
16. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang salah nyata atau salah tafsir fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berhubung dengan Program Rebat Tunai yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
17. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOB Malaysia dengan jelas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada apa-apa yang tercetak dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan tertentu berhubung dengan Program Rebat Tunai.

18. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Program Rebat Tunai, terma dan syarat Program Rebat Tunai ini akan dikekalkan.
19. UOB Malaysia berhak untuk menambah, mengeluarkan dan/atau mengubah terma dan syarat Program Rebat Tunai, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui paparan pada laman web UOB Malaysia, penampilan notis di mana-mana cawangan UOB Malaysia /mesej dalam penyata/mel terus elektronik (eDM) atau apa-apa cara lain yang mungkin ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa.
20. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

- Tamat -